



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

LARANGAN EKSPORT KOMODITI AYAM

PUTRAJAYA, 1 Jun 2022 – Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 23 Mei 2022 berkenaan dengan langkah menghentikan eksport ayam berkuatkuasa 1 Jun 2022, pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) akan memastikan tiada aktiviti pengeksportan komoditi tersebut melalui kawalan berikut:

- a. Kelulusan permit yang meliputi pengeksportan ayam hidup, karkas ayam bulat, keratan daging ayam dan produk makanan berasaskan ayam tidak lagi dikeluarkan seperti di **Jadual 1**. Semua kelulusan permit untuk membawa keluar komoditi tersebut mulai 1 Jun 2022 dibatalkan dan disekat.
- b. Kawalan secara fizikal di semua pintu keluar dilaksanakan oleh pegawai penguatkuasa MAQIS dan sebarang aktiviti untuk mengeksport komoditi berkenaan tidak dibenarkan. Konsainan eksport komoditi tersebut perlu diuruskan sewajarnya oleh pemilik permit.

Sekiranya terdapat pelanggaran, tindakan di bawah subseksyen 11(2) dan 11(3), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan 2011 [Akta 728] boleh diambil jika sabit kesalahan, denda boleh dikenakan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya. Manakala bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM150,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya.

Jadual 1: Senarai Jenis Komoditi Ayam Yang Dilarang Eksport

BIL.	HS CODE	JENIS KOMODITI
1	0105.11.1000 0105.11.9000 0105.94	Ayam Hidup
2	0207.11.00.00	Ayam Bulat " <i>Chilled/Fresh</i> "
3	0207.12.00.00	Ayam Bulat " <i>Frozen</i> "
4	0207.13.00.00	Keratan ayam dan ofalnya " <i>Chilled/Fresh</i> "
5	0207.14	Keratan ayam dan ofalnya, " <i>Frozen</i> "
6	0207.14.10.00	Keratan ayam – kepak
7	0207.14.20.00	Keratan ayam – <i>Thighs</i> /pangkal peha
8	0207.14.30.00	Keratan ayam – Hati
9	0207.14.9100	Daging ayam sahaja, tanpa tulang
10	0207.14.9900	Lain-lain bahagian ayam sejuk beku : Contohnya kaki ayam, kulit ayam dan lain-lain
11	1602.39.00.00 1601.00.10.00 1601.00.90.00 1602.32.90.00 1603.00.10 00	Produk berasaskan ayam: Contohnya sosej ayam, nuget ayam, ayam bersalut tepung, burger ayam dan lain-lain

Sebarang persoalan mengenai larangan eksport komoditi ayam, boleh dikemukakan melalui emel kepada feedback@maqis.gov.my.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
1 JUN 2022